

Rujukan : KPTM:AS/SPRS/5-2 (15 )  
Tarikh : 27 November 2017

## Semua Iubapa Dan Pelajar Program AA101/AB101/CC103 dan CT103

### Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar

Tuan/Puan,

#### PENDAFTARAN PELAJAR LAMA PROGRAM HOMEGROWN SESI JANUARI 2018

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan sekiranya anak tuan/puan telah lulus\* dalam peperiksaan akhir semester lepas, anak tuan/puan dikehendaki mendaftar semula ke Sesi Januari 2018 yang akan dijalankan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Kursus	Tarikh	Masa	Tempat
AB101	10/01/2018 (RABU)	9.00 Pagi - 4.00 Ptg	KAMPUS SUKA MENANTI
AA101 CT103 CC103	11 /01/2018 (KHAMIS)	9.00 Pagi - 4.00 Ptg	KAMPUS SUKA MENANTI

\*Sila semak keputusan di Laman Web [www.cmsas.edu.my](http://www.cmsas.edu.my) untuk mengetahui status lulus / gagal.

3. Untuk makluman tuan sekiranya anak tuan/puan masih mempunyai baki hutang semester lepas, hutang tersebut hendaklah dijelaskan terlebih dahulu. Pelajar boleh menyemak baki hutang di laman web <http://cmsas.kptm.edu.my> dan sila klik pada menu finance kemudian klik account statement. Pelajar yang gagal menjelaskan baki hutang semester lepas tidak akan dibenarkan mendaftar semula untuk sesi Januari 2018 akan datang . Bersama ini juga disertakan struktur yuran pendaftaran yang perlu di bayar semasa hari pendaftaran.

4 Sukacita diingatkan bahawa **yuran pendaftaran** hendaklah di buat secara bank-in terus ke akaun **BANK SIMPANAN NASIONAL NO AKAUN 1410029000315664** ATAU **BANK ISLAM NO AKAUN 02011010088218** menggunakan **SLIP PEMBAYARAN BANK . BAYARAN SECARA TUNAI TIDAK AKAN DITERIMA**

5. Kelewatan mendaftar pada tarikh yang di tetapkan merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan Akademik KPT (pindaan 2015). Pihak kolej akan mengenakan denda lewat mendaftar sebanyak 50.00 pada hari pertama dan RM30.00 pada hari-hari berikutnya. **PELAJAR SEDIA ADA YANG GAGAL MELAPOR DIRI PADA TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN TANPA KELULUSAN PENGARAH/TPA, STATUSNYA SEBAGAI PELAJAR AKAN GUGUR DENGAN SENDIRINYA DAN DIBERI STATUS GUGUR TARAF(TMT) PERATURAN DAN ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI PERLU DIPENUHI SEMASA HARI PENDAFTARAN. PELAJAR YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DAN ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI TIDAK AKAN DIBENARKAN MENDAFTAR.**

Sekian, terima kasih.

**KHAIRULNIZAM B SHUIB**  
Timbalan pengarah Akedemik



## MAKLUMAN TAMBAHAN UNTUK PELAJAR MENDAFTAR SEM 6 ( LI )

**Gambar saudara/i akan digunakan untuk cetakan kad graduan dan paparan semasa Majlis Konvokesyen KPTM.**

<b>KRITERIA GAMBAR</b>	<b>Contoh gambar untuk konvo KPTM</b>
<p>i. Saiz tidak melebihi 3MB. Hanya format .jpg atau .jpeg sahaja.</p> <p>ii. Gambar Berukuran Passport</p> <p>iii. Latarbelakang Biru</p> <p>iv. Graduan Lelaki mestilah berpakaian formal (blazer warna gelap dan bertali leher). Rambut perlu disisir kemas.</p> <p>v. Bagi graduan perempuan muslim, hendaklah memakai tudung polos (TIDAK BERBUNGA)</p> <p><b>GAMBAR MESTI YANG TERBARU</b></p>	

**SEMUA PELAJAR DIMINTA MEMBAWA GAMBAR MENGIKUT ARAHAN DI ATAS INI SEMASA HARI PENDAFTARAN . GAMBAR ITU PERLU DISERAHKAN KEPADA PETUGAS DI KAUNTER LI.**

